

KEPENTINGAN TASIK DI MALAYSIA

Penjanaan kuasa hidroelektrik

- Tasik sesuai dijadikan tapak untuk menjana kuasa hidroelektrik kerana tasik mempunyai takungan air yang banyak.
- Contoh: Empangan Kenyir (Terengganu), Empangan Temenggor (Perak).



Kegunaan domestik

- Tasik membekalkan sumber air untuk kegunaan harian seperti membasuh dan mencuci kepada penduduk setempat.
- Contoh: Tasik Bera membekalkan sumber air kepada penduduk setempat. Mereka menyalurkan air dari tasik ke rumah untuk kegunaan harian.



Sumber protein

- Tasik membekalkan sumber protein seperti ikan air tawar spesies haruan, jelawat dan tenggalan.
- Contoh: Tasik Bera kaya dengan pelbagai spesies ikan air tawar.
- Tasik juga digunakan untuk kegiatan akuakultur seperti penternakan ikan dalam sangkar di Tasik Kenyir.



Rekreasi dan pelancongan

- Tasik sesuai dijadikan kawasan rekreasi bersama keluarga.
- Aktiviti seperti memancing, menyusur tasik dengan perahu jalur dan berkayak dijalankan di tasik.
- Contoh: Tasik Kenyir, Tasik Bera, Tasik Putrajaya, Tasik Titiwangsa.

